

14 JUN 1997

Lim - Rasuah

GERAKAN AKAN PERANGI RASUAH HABIS-HABISAN

KUALA LUMPUR, 14 Jun (Bernama) -- Jawatankuasa Pusat Parti Gerakan meminta pemimpin dan anggota parti melaporkan mengenai kes rasuah dan penyelewengan membabitkan mana-mana pemimpin parti.

Presiden parti Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik berkata jawatankuasa pusat dalam mesyuarat hari ini membincangkan tentang perlunya membasmi rasuah dalam parti.

Lim tidak memberitahu nama mereka yang terbabit dalam rasuah tetapi. berkata: "Kami akan menyingkirkan mereka dan melaporkan kepada (BPR) atau melaporkan mereka dan kemudian menyingkirkan mereka.

Lim bercakap pada persidangan media selepas mesyuarat empat jam di Ibu Pejabat parti di Menara PGRM, di Cheras di sini.

Beliau berkata ibu pejabat parti akan mengawasi tingkah-laku anggota Exco,, anggota Parlimen dan menteri bagi memastikan mereka tidak terlibat dalam urusan perniagaan atau memberi gambaran mereka terbabit.

Beliau berkata, sebagai contoh, ada pemimpin yang diberi kuota rumah kos rendah dan memberikan rumah itu kepada anggota keluarga mereka sedangkan mereka sepatutnya membantu golongan miskin dan mereka yang tidak mempunyai rumah.

Keputusan untuk memerangi habis-habisan rasuah dalam parti ialah sebagai menyokong tindakan yang diambil oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Pemangku Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim membanteras rasuah dalam kerajaan dan parti, kata beliau.

Sementara itu, Gerakan akan mengadakan sesi brainstorming" pada 27 dan 28 Jun bagi merangka tindakan bagi memperkukuhkan parti dan meningkatkan keberkesanan jentera pilihan rayanya.

Sesi itu juga akan membincangkan persiapan pemimpin muda dalam parti yang memainkan peranan utama untuk mencorakkan parti pada abad akan datang.

-- BERNAMA

NI SK FAZ